



Ahli Kelab Usahawan Siswa UNIMAS, **Mohamad Aidil Samsuri** melayan siswa yang mengunjungi gerainya di Samarahan.

[FOTO MOHD RADZI BUJANG/BH]

Jerebu bawa rezeki kepada pelajar UNIMAS

Kota Samarahan: Fenomena kemarau panjang dan jerebu di Bahagian Kuching dan Samarahan memberi rezeki kepada peniaga air dan buah-buahan di kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di sini.

Buat usahawan muda, Mohammad Aidil Samsuri, 22, keadaan kemarau sekarang menjadikan perniagaannya semakin laris kerana pelajar perlu minum lebih banyak air bagi menstabilkan badan ketika keadaan kering dan berjerebu.

Pelajar jurusan Pembangunan Sumber Manusia UNIMAS

yang berniaga buah-buahan dan minuman hampir dua tahun lalu, berkata, dalam tempoh tiga bulan ini, hasil jualan meningkat terutama jualan air dan buah-buahan.

Keuntungan cecah RM1,500

“Walaupun cuma berniaga kecil-kecilan, keuntungannya mencecah RM1,500. Jika dilihat dari faktor jerebu dan cuaca kering, barangan seperti air minuman dan buah-buahan begitu cepat habis,” katanya kepada BH, di sini, semalam.

Mohammad Aidil bersama

sembilan rakan dalam Kelab Usahawan Siswa UNIMAS (KESISMA) terbabit dalam perniagaan berskala kecil di kampus UNIMAS.

KESISMA yang kini mempunyai sekitar 20 ahli bergiat dalam pelbagai jenis perniagaan mengaut untung kasar RM30,000 sebulan.

Mohammad Aidil berkata, KESISMA diwujudkan bagi memayungi usahawan terdiri daripada pelajar UNIMAS agar proses pembangunan perniagaan dapat dintergrasikan bagi memaksimumkan produktivi-

ti tanpa mengabaikan 'perniagaan' utama, menuntut ilmu.

Katanya, pentadbiran UNIMAS mengenakan caj harga tapak RM150 sebulan dan turut menyediakan peralatan seperti kerusi dan meja bagi usahawan pelajar yang bergiat dalam perniagaan pemakanan.

“Bahagian Hal Ehwal Pelajar sentiasa mengalu-alukan pembukaan gerai makanan kerana kantin tidak lagi dapat menampung pertambahan pelajar UNIMAS yang setakat ini berjumlah hampir 14,000 pelajar,” katanya.